

**SOALAN NO: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mutu dan prestasi graduan perubatan daripada berbagai universiti dalam dan luar negara yang beramat di Malaysia. Institusi manakah yang dianggap mengeluarkan graduan terbaik, yang mana pula mengeluarkan graduan paling bermasalah.

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, terdapat 11 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 22 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang sedang menjalankan program perubatan di negara ini.

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah menetapkan beberapa garis panduan untuk mengekalkan mutu dan prestasi graduan perubatan dari institusi-institusi perubatan tempatan dan luar negara. Garis panduan yang dimaksudkan termasuk perkara-perkara berhubung pengiktirafan terhadap

program-program perubatan dan syarat-syarat kelayakan minima kemasukan ke program perubatan. Garis panduan berkenaan turut dikaji oleh MPM dari semasa ke semasa agar kualiti para graduan perubatan sentiasa berada di tahap yang optimum.

Bagi tujuan tersebut, suatu lawatan akreditasi akan diadakan secara berkala untuk memastikan institusi-institusi perubatan sentiasa mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh MPM dan secara langsung dapat memantau kebijakan para pelajar perubatan. Lawatan akreditasi yang dimaksudkan akan dilaksanakan oleh MPM bersama dengan pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*) selaku badan yang mempunyai kuasa dalam isu berkaitan pengiktirafan program perubatan di Malaysia dan juga Kementerian Pelajaran Tinggi .

Secara umumnya, semua graduan-graduan daripada dalam dan luar negara akan dikehendaki untuk didaftarkan di MPM sebelum mereka akan dibenarkan untuk berkhidmat di hospital-hospital. Hanya graduan-graduan daripada universiti-universiti yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971( *Second Schedule of Medical Act 1971 list of recognized universities*) akan diberikan pendaftaran dan dibenarkan untuk berkhidmat di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada amnya, mutu dan prestasi graduan perubatan daripada berbagai universiti dalam dan luar negara yang beramal di Malaysia sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) adalah baik. Ini adalah kerana

mengikut perangkaan oleh Majlis Perubatan Malaysia, 95 peratus daripada PPS yang berada di posting ke lima telah berjaya menamatkan latihan dan diberi Perakuan Pendaftaran Penuh.

Selain itu, secara pembandingan, graduan universiti dalam negara adalah lebih baik berbanding graduan universiti luar negara kerana suasana pembelajaran, sosio budaya pesakit dan juga jenis penyakit yang dipelajari semasa di universiti adalah sama semasa bertugas sebagai PPS di Hospital Latihan Siswazah di Malaysia.